

18 MAY 2002

MUSTAPA-EKONOMI

KEYAKINAN PELABUR TERHADAP EKONOMI MALAYSIA BERTAMBAH KUKUH

KOTA BAHARU, 18 Mei (Bernama) -- Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), Datuk Mustapa Mohamed berkata lawatan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Amerika Syarikat selama tiga hari baru-baru ini, berjaya membantu meningkatkan lagi keyakinan pelabur asing terhadap ekonomi Malaysia yang semakin bertambah baik.

Beliau menyifatkan lawatan Perdana Menteri itu juga berjaya mengukuhkan lagi keyakinan masyarakat antarabangsa terhadap langkah-langkah yang diambil kerajaan yang telah terbukti memberi kesan positif kepada ekonomi negara ini.

"Dasar-dasar kita semakin diterima, sektor korporat semakin mantap, bank pula semakin kukuh," kata beliau kepada pemberita selepas merasmikan seminar pembangunan koperasi negeri Kelantan di sini, hari ini.

Mustapa berkata sebelum inipun persepsi pelabur asing terhadap ekonomi Malaysia telah bertambah baik.

"Umpamanya Bon Korporat Petronas yang dikeluarkan baru-baru ini telah menunjukkan sambutan yang menggalakkan, ini menunjukkan keyakinan yang begitu tinggi, ini merupakan pencapaian terbesar bagi sebuah syarikat di Asia," katanya.

Petronas, menerusi anak syarikat milik penuhnya Petronas Capital Ltd (Petronas Capital) berjaya menyelesaikan terbitan bon korporat terbesar dalam sejarah syarikat Asia, dengan meraih dana AS\$2.675 bilion (RM10.165 bilion) di pasaran modal antarabangsa.

Sementara itu, Mustapa turut menggesa orang Melayu agar memberi penekanan yang lebih terhadap penguasaan ilmu pengetahuan bagi mengelakkan mereka daripada ketinggalan dalam arus teknologi maklumat yang bergerak pantas.

"Orang Melayu kena rajin hadir seminar, baca buku dan layari internet. Ini satu perkara yang orang Melayu tidak berapa sedar, kita ingat belajar ini setakat sekolah dan universiti, sebenarnya sekolah dan universiti itu merupakan asas untuk kita mendapat ilmu," kata beliau.

Beliau berharap pembinaan makmal komputer di seluruh negara terutamanya di kawasan kampung dapat membantu mereka yang tinggal di luar bandar memperolehi pengetahuan melalui internet.

Ditanya mengenai sistem meritokrasi untuk pengambilan pelajar baru ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA), Mustapa berkata kerajaan telah melaksanakan sistem itu dan perlu dipertahankan.

"Kebetulan pada tahun ini ada pihak tertentu yang tidak berpuashati, itu biasalah...yang penting ketelusan, sebelum ini ada pihak yang mengatakan tidak telus tetapi kita telah jelaskan sistem markah dan sebagainya," katanya.

Beliau berkata Kementerian Pendidikan juga telah menjawab beberapa tuduhan yang tidak berasas berhubung perkara itu.

Mustapa juga berkata kaedah perlu dicari bagi mengatasi masalah bilangan pelajar bumiputera yang memasuki institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) yang jauh lebih kecil berbanding IPTA.

--BERNAMA

BD AA